

24 APR 2001

Musa-RMK8

SABAH POHON RM20.5 BILION DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN

KOTA KINABALU, 24 April (Bernama) -- Sabah memohon RM20.5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) untuk menggiatkan lagi pembangunan di negeri itu, kata Menteri Kewangan negeri Datuk Musa Aman.

Beliau berkata kerajaan negeri berharap dapat memperuntukkan 40 peratus daripada jumlah itu untuk meneruskan kerja pembangunan infrastruktur yang masih jauh ketinggalan.

Selain itu, kerajaan negeri juga berharap jumlah yang dipohon itu akan dapat disalurkan kepada memajukan sektor pertanian dan pelancongan yang boleh memberikan pendapatan kepada negeri ini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai sumber bio kepelbagaian di sini hari ini.

Sejumlah RM110 bilion diperuntukkan untuk membiayai semua program dan projek yang dirancang di bawah RMK8 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen semalam.

Musa berkata kerajaan negeri akan memastikan hanya kontraktor berkemampuan dan mempunyai rekod yang baik sahaja ditawarkan kontrak bagi melaksanakan kerja pembangunan infrastruktur.

"Kontraktor yang ditawarkan kontrak itu mesti melaksanakannya dengan baik dan dapat menyiapkannya mengikut jadual," katanya.

Musa berkata ini bagi memastikan peruntukan yang diberikan kepada Sabah di bawah RMK8 dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Beliau berkata antara punca mengapa banyak projek infrastruktur lewat dilaksanakan sebelum ini ialah kerana ketidakcekapan kontraktor sendiri dalam menyiapkan projek yang diamanahkan.

Kerajaan negeri akan membuat tindakan susulan bagi memastikan tidak ada lagi kelewatan dalam melaksanakan projek pembangunan, katanya.

Beliau berharap aktiviti penyelidikan dan pembangunan negeri dapat digiatkan terutama dalam sektor pertanian sekiranya peruntukan RM20.5 bilion yang dipohon itu diluluskan.

-- BERNAMA

HAK AKD